

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]

TARIKH : 15.3.2017

SOALAN :

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah [Tambun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nombor berapakah kedudukan pencapaian matematik dan sains bagi sekolah di negara Malaysia di kalangan negara-negara dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan negara peserta yang menyertai pentaksiran peringkat antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) adalah berbeza bagi setiap kitaran. Sebagai contoh dalam TIMSS 2011, sebanyak 45 negara telah mengambil bahagian manakala hanya 39 negara mengambil bahagian dalam TIMSS 2015. Oleh yang demikian, perbandingan dari segi kedudukan (*ranking*) tidak memberi indikator yang tepat untuk melihat kemajuan pencapaian murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti juga pihak *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD),

iaitu organisasi yang masing-masing menganjurkan pentaksiran TIMSS berpandangan bahawa adalah lebih bermakna untuk setiap negara menilai pencapaian negara berdasarkan skor yang dicapai berbanding menilai kedudukan dengan negara lain.

Pencapaian Malaysia bagi kedua-dua mata pelajaran Sains dan Matematik dalam TIMSS 2015 sememangnya telah meningkat berbanding TIMSS 2011; iaitu pencapaian Sains meningkat dari skor 426 kepada 471, manakala bagi Matematik pula meningkat dari skor 440 kepada 465.

Peningkatan skor yang semakin menghampiri titik tengah skala 500 mata menunjukkan Malaysia berada pada landasan yang betul ke arah mencapai peningkatan di peringkat antarabangsa seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

RJM45